

# SIARAN MEDIA

## PENDEKATAN BAHARU TINGKAT KEBERKESANAN INSENTIF KEWANGAN BAGI KONSERVASI BIODIVERSITI DAN HUTAN (EFT)

Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) mengumumkan beberapa pendekatan baharu untuk meningkatkan keberkesanan Insentif Kewangan bagi Konservasi Biodiversiti dan Hutan Insentif Kewangan bagi Konservasi Biodiversiti dan Hutan (*Ecological Fiscal Transfer for Biodiversity Conservation - EFT*)

Antara pendekatan tersebut ialah, penambahan skop baharu merangkumi *Other Effective Area-based Conservation Measures* (OECM) dan pemuliharaan spesies; pengagihan dana dua kali setahun bagi memastikan kelancaran pelaksanaan EFT dan peningkatan kriteria keberhasilan dari 30% kepada 50% untuk penilaian lebih berfokus.

Pengumuman dibuat oleh Timbalan Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES), YB Dato' Sri Huang Tiong Sii dalam ucapan perasmian yang mewakili YB Menteri NRES pada Sesi Town Hall Pelaksanaan EFT dan Penyerahan Surat Peruntukan EFT Tahun 2025 kepada Kerajaan Negeri di Kuala Lumpur, 6 Mac 2025.

Sesi ini dihadiri oleh wakil Kementerian Kewangan, Kementerian Ekonomi, Pegawai Kewangan Negeri, Bahagian / Unit Perancang Ekonomi Negeri, Agensi Teknikal Negeri, serta Pihak Berkuasa Kawasan Perlindungan untuk membincangkan strategi bagi mengukuhkan impak pelaksanaan EFT.

Melalui pengumuman YAB Perdana Menteri dalam Belanjawan 2025, peruntukan EFT telah ditingkatkan kepada RM250 juta bagi tahun 2025. NRES mengucapkan penghargaan kepada kerajaan negeri kerana pelaksanaan EFT telah menunjukkan keberhasilan dengan hampir 350,000 hektar kawasan telah diwartakan sebagai kawasan perlindungan baharu bagi tempoh 2021 hingga 2023.

Bagi memperkuatkannya inisiatif ini, sesi perbincangan yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Sumber Asli) NRES, Norsham Abdul Latip turut diadakan untuk membincangkan isu, cabaran, dan penambahbaikan serta perkongsian projek berimpak tinggi.

Ahli-ahli panel terdiri daripada Pegawai Kewangan Negeri Sembilan, YB Dato' Haji Mohd Khidir Majid, Pengurus Besar, Sarawak Forestry Corporation, Abang Arabi Abang Aimran, dan Pengarah Taman-Taman Sabah, Dr. Maklarin Lakim.

NRES menyambut baik pandangan kerajaan negeri dan menekankan kepentingan kerjasama erat antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan EFT.

Sebagai simbolik sokongan kepada usaha pemuliharaan biodiversiti di peringkat negeri, YB Timbalan Menteri turut menyempurnakan sesi penyerahan Surat Peruntukan EFT Tahun 2025 kepada semua kerajaan negeri serta sijil penghargaan kepada kerajaan negeri yang mewartakan kawasan perlindungan baharu bagi tempoh 2021 hingga 2023.

Inisiatif EFT diharap dapat mempercepatkan usaha konservasi, memperkuuh perlindungan kawasan biodiversiti, serta meningkatkan impak positif kepada alam sekitar dan komuniti setempat.

**KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES)**

**7 MAC 2025**